


Siri Budaya  
Masyarakat Malaysia



# ORANG MELAYU

Siti Razmah Hj. Idris  
Fatimah Azzahra

*Editor:*  
Sulaiman Zakaria



**PENERBIT PINANG**

No. 14, Jalan SS 4/17, 47301 Petaling Jaya  
Selangor Darul Ehsan

Tel: 03-7762300/7774678 Fax: 603-7762300

© PENERBIT PINANG  
Cetakan Pertama 1996

ISBN 983-055-073-7 (SET)  
ISBN 983-055-074-5

## AMARAN ATAS HAKCIPTA

*Semua hak terpelihara. Sebarang bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula atau dipindahkan dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang cara, baik dengan cara elektronik, penggambaran ataupun sebaliknya tanpa izin yang bertulis terlebih dahulu daripada pihak PENERBIT PINANG.*

APB 931608

25 NOV 1997

NASKHAH PEMELIHARAAN  
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

## PENERBIT PINANG

No: 14, Jalan SS4/17, 47301 Petaling Jaya,  
Selangor Darul Ehsan.  
Tel: 03-7762300/7774678. Fax: 603-7762300

m  
306.089928  
SIT  
f ✓

25

## PRAKATA

Malaysia mempunyai penduduk yang berbilang kaum dan agama. Perbezaan ras dan anutan ini telah mewujudkan unsur-unsur budaya dan adat resam yang pelbagai dan menjadikan budaya Malaysia amat unik. Bagaimanapun, ciri-ciri budaya yang telah diamalkan sejak turun temurun mulai terhakis akibat arus pembangunan dan pemodenan yang melanda negara. Akibatnya, ciri-ciri budaya tradisional tidak dapat dihayati oleh generasi akan datang.

Sehubungan dengan itu, buku-buku dalam Siri Budaya Masyarakat Malaysia ini telah menampilkan secara ringkas kupasan tentang sebahagian daripada ciri-ciri budaya masyarakat yang terdapat di negara ini khususnya yang telah pupus.

Kebudayaan masyarakat Melayu menjadi teras kepada kebudayaan di Malaysia. Adanya pelbagai suku kaum dalam rumpun Melayu telah memperkayakan lagi budaya orang Melayu yang merupakan kaum terbesar dan penduduk peribumi negara ini. Untuk

menjelaskan perbezaan dari segi amalan dan cara hidup, budaya kaum Jawa dan Minangkabau dipilih untuk kupasan.

Kaum minoriti yang terdiri daripada kaum Serani, Sikh, Chitty, Baba Nyonya dan Thai merupakan sebahagian daripada penduduk Malaysia yang turut mempelbagaikan budaya Malaysia. Sekiranya masyarakat Baba dan Nyonya dikategorikan sebagai golongan Cina Peranakan, Masyarakat Chitty pula adalah golongan Hindu Peranakan. Ini jelas menunjukkan suku-suku kaum ini wujud hasil daripada percampuran dua budaya yang berbeza.

Kebudayaan Kebangsaan merupakan hasrat kerajaan untuk melihat rakyat Malaysia berada bawah satu identiti dan corak budaya yang sama. Justeru itu, Dasar Kebudayaan Kebangsaan digubal dan pelbagai saranan dan pelaksanaan dibuat untuk mencapai maksud tersebut. Untuk itu semua ciri kebudayaan kebangsaan haruslah dihayati bersama supaya membuahkan hasil yang membanggakan.

# KANDUNGAN

Pengenalan.....	1
Perkahwinan.....	2
Kelahiran.....	13
Perayaan.....	21
Kesimpulan.....	36

# PENGENALAN

Adat resam orang Melayu bercampur-aduk antara unsur-unsur animisme, Hindu dan Islam. Ini disebabkan orang Melayu mengamalkan kebudayaan animisme sebelum menerima kebudayaan Hindu dan seterusnya menerima budaya Islam sejak tahun 1414.

budaya yang tidak menjejaskan iktikad umat Islam.

Selain itu, adat resam ini semakin ditinggalkan oleh orang Melayu yang menerima pengaruh moden. Mereka menjalankan adat resam yang asas sahaja atau secara ala kadar untuk



*Ciri-ciri budaya yang masih kekal*

Bagaimanapun, adat resam yang berunsur animisme dan Hindu semakin ditinggalkan terutamanya yang bertentangan dengan kepercayaan agama Islam. Kedatangan Islam telah mengekalkan ciri-ciri

tidak "meninggalkan" adat terutamanya di bandar-bandar. Di kampung-kampung khususnya di daerah pedalaman, adat resam ini masih kukuh diamalkan kerana belum dihakis oleh pengaruh moden.

# PERKAHWINAN

Dalam adat perkahwinan orang Melayu, terdapat enam peringkat iaitu:

1. Merisik
2. Meminang
3. Bertunang
4. Menghantar belanja
5. Akad nikah
6. Bersanding

tahui sama ada seseorang gadis itu telah dipinang orang ataupun belum.

Sebelum adat merisik dilakukan, keluarga pihak lelaki akan menghantar rombongan tidak formal untuk berbincang dengan ibu bapa gadis. Rombongan itu terdiri daripada beberapa orang sahaja. Wakil-wakil yang dihantar biasanya



*Wakil dihantar untuk meminang*

## 1. Merisik

Peringkat yang paling awal dalam adat perkahwinan orang Melayu ialah merisik. Merisik ialah untuk menge-

mempunyai hubungan persaudaraan dengan keluarga lelaki.

Wakil ini berbincang dengan ibu bapa gadis dan menetapkan hari untuk mereka menjalankan adat merisik. Setelah ditetapkan harinya,

rombongan merisik pun membuat kunjungan ke rumah ibu bapa gadis. Ibu bapa gadis akan memberitahu sama ada anaknya itu sudah dipinang orang ataupun belum.

## 2. Meminang


Setelah diketahui gadis itu bukan kepunyaan sesiapa, pihak keluarga lelaki menetapkan hari untuk menghantar satu rombongan untuk meminang gadis itu. Meminang bererti melamar seseorang gadis untuk dijadikan isteri. Jika peminangan diterima, adat pertunangan dijalankan.

Dalam adat meminang pihak lelaki membawa sebentuk cincin yang dinamakan "cincin tanya" yang

berupa cincin belah rotan untuk diserahkan kepada pihak gadis. Selain itu hantaran yang berupa pakaian dan makanan disertakan juga. Dibawa bersama ialah sirih pertunangan iaitu gubahan daun-daun sirih di dalam bekas paha.

Dalam adat ini, wakil daripada lelaki akan duduk berhadapan dengan kedua-dua ibu bapa gadis dan dilingkungi oleh saudara mara terdekat. Wakil itu akan memulakan kata-kata penuh beradat yang lebih kurang bermaksud, "kami datang ini dengan hajat yang besar iaitu untuk menyunting bunga di taman."

Jika si gadis bersetuju dengan permintaan itu mereka akan menjawab, "pihak kami tidak ada apa-apa halangan." Jika pihak gadis



*Sebentuk cincin tanya*



*Gubahan sirih*





*Bakal isteri mesti tahu memasak*

tidak bersetuju, ibu bapa akan memberi alasan yang berbagai-bagai seperti "bunga masih belum boleh dipetik", "belum tahu memasak" dan sebagai jawapan yang halus.

Jika lamaran itu ditolak, pihak lelaki meminta diri untuk pulang. Cincin tanya akan dibawa pulang.

Bagaimanapun, adat pertunangan pada masa ini telah diatur tanpa adat meminang. Soal peminangan tidak diterima tidak timbul lagi kerana rundingan tidak rasmi telah pun dibuat. Jika pihak gadis tidak bersetuju untuk dipinang adat meminang tidak dijalankan. Ini menunjukkan adat ini telah pun melangkahi satu tahap.

### **3. Bertunang**

Jika pihak keluarga gadis menerima pinangan pihak lelaki, adat pertunangan dijalankan. Tarikh

diadakan majlis pertunangan bergantung kepada persetujuan kedua-dua pihak, sama ada dilangsungkan sebaik sahaja kata persetujuan dicapai atau diberi tempoh beberapa hari untuk membuat persiapan.



*Perempuan umpama bunga*



Adat ini dimulakan dengan perbincangan tentang hari perkahwinan dan jumlah belanja yang perlu disediakan oleh si lelaki seperti "tiga bulan dari tarikh itu dan jumlah hantaran RM4000." Belanja itu hendaklah dijelaskan sebulan sebelum majlis akad nikah dan persandingan.

Selepas menjalankan kata-kata beradat, tibalah masa untuk upacara menyarungkan cincin pada jari si gadis. Kalau dahulu cincin belah rotan terkenal sebagai cincin pertunangan, tetapi kini terdapat pelbagai jenis cincin yang diberikan kepada si gadis seperti cincin berlian dan permata. Si gadis yang berpakaian cantik dan disolekkan seperti pengantin menunggu di dalam bilik.

Wakil rombongan, kebiasaan wanita berumur akan masuk ke bilik dan menyarungkan cincin pada jari si gadis sambil disaksikan oleh beberapa orang saudara terdekat dan tetamu perempuan. Dengan itu gadis itu dikatakan sudah "berpunya" atau "bertanda" dan pemuda lain tidak boleh mengganggunya lagi.

#### 4. Menghantar belanja

Kadangkala jumlah belanja yang diminta akan ditetapkan dalam adat peminangan dan diserahkan dalam adat bertunang bersama dengan barang-barang kelengkapan diri si gadis sebagai hadiah atau "hantaran" daripada si lelaki. Wang belanja dan barang-barang hantaran yang lain seperti sepersalinan



*Kemeriahan keluarga*

pakaian, barang-barang kemas, kasut, manisan dan lain-lain. Semua barang ini akan digubah dan dihias indah dalam pelbagai bentuk.

Sekiranya, si gadis mempunyai seorang kakak yang belum berkahwin, pihak lelaki dikehendaki memberi kepada kakak si gadis barang salinannya sama seperti yang diperolehnya. Si gadis dikatakan telah "melangkah bendul".

Dalam adat Melayu seorang gadis tidak boleh berkahwin jika kakaknya belum berkahwin terlebih dahulu. Jika berkahwin juga, pihak pengantin lelaki terpaksa "didenda".

Terdapat juga sesetengah pihak yang tidak menyertakan wang belanja pada hari pertunangan, cuma



*Barang-barang hantaran*

cincin dan barang-barang hantaran sahaja yang disertakan. Sebahagian daripada wang belanja akan diserahkan dalam satu majlis yang tidak formal beberapa minggu sebelum majlis persandingan. Wang



*Perkahwinan dua pasangan adik-beradik*



*Perbelanjaan untuk jamuan mestilah mencukupi*

itu untuk pihak si gadis membuat persiapan hari persandingan seperti membeli perabot, lauk-pauk dan

sebagainya. Baki wang belanja itu akan diserahkan semasa upacara akad nikah.



*Di bilik pengantin*

Barang-barang hantaran ini akan dibalas oleh pihak perempuan dengan pelbagai barang keperluan lelaki seperti kain pelikat, kasut, kain songket, peralatan sembahyang dan lain-lain.

## 5. Akad nikah

Majlis akad nikah atau ijab kabul diadakan pada hari yang ditetapkan, selalunya sehari sebelum hari persandingan. Majlis ini dijalankan di rumah pengantin perempuan. Akad nikah dijalankan oleh jurunikah bertauliah yang terdiri daripada imam atau kadi atau jurunikah yang dilantik oleh pihak berkuasa agama.

Akad nikah dijalankan di hadapan bapa si gadis sebagai wali dan dua orang saksi dengan disaksikan oleh sanak-saudara pihak perempuan dan rombongan daripada pihak lelaki.

Bagaimanapun pengantin perempuan tidak berada dalam majlis yang sama. Dia berada di dalam bilik pengantin untuk menunggu upacara membatalkan air sembahyang.

Majlis ini dimulakan dengan jurunikah menemui si gadis di dalam bilik untuk bertanyakan sama ada dia bersetuju ataupun tidak bernikah dengan pemuda itu. Langkah ini untuk memastikan pernikahan itu dijalankan dengan kerelaan pengantin perempuan. Jika gadis itu tidak menjawab bererti dia bersetuju.

Kemudian jurunikah kembali duduk di tempatnya dan memberitahu cara-cara untuk menyambut lafaz nikah kepada pengantin lelaki.

Lafaz nikah berbunyi, "Aku nikahkan dikau ..... (nama pengantin lelaki) dengan ..... (nama pengantin perempuan) dengan mas kahwin sebanyak ..... tunai (mengikut negeri). Sebagai contoh Negeri Selangor mas kahwin RM 80 oleh pengantin lelaki.

Lafaz itu hendaklah disambut sebaik sahaja jurunikah menghabiskan lafaznya iaitu "saya terima nikahnya ..... (nama pengantin perempuan) dengan mas kahwin sebanyak tersebut."

Jurunikah bertanya kepada kedua-dua saksi, sama ada lafaz itu



*Upacara akad nikah*



sempurna atau tidak. Jika sempurna saksi berkata "Sah! Sah!" Jika tidak lafaz itu diulang lagi walaupun beberapa kali hinggalah sempurna. Kemudian jurunikah membaca khutbah nikah yang berupa nasihat kepada pasangan pengantin dalam menjalani bahtera hidup.

Selepas diijab kabul, sampailah masa untuk upacara membatalkan air sembahyang. Pengantin lelaki dibawa masuk ke dalam bilik pengantin perempuan dan mereka bersalaman sebagai adat membatalkan air sembahyang.

Pada waktu itu juga sebahagian daripada wang hantaran diserahkan kepada pengantin perempuan. Dengan itu mereka telah menjadi sepasang suami isteri yang sah. Pengantin lelaki dan rombongannya diberi jamuan sebelum pulang ke rumah mereka.



*Pengantin pada malam berinai*



*Membatalkan air sembahyang*

### **Majlis Berinai**

Majlis ini biasanya dilakukan pada malam sebelum majlis persandingan. Sekiranya pengantin tersebut telah diijab kabul pada waktu siang, maka sepasang pengantin itu akan disandingkan di atas pelamin dan ditepung tawar oleh sanak saudara dan adik beradik si gadis.

Sekiranya majlis akad nikah belum diadakan dan akan dilangsungkan pada waktu pagi sebelum majlis persandingan, majlis berinai dijalankan tanpa pengantin lelaki. Majlis ini kelihatan seolah-olah pengantin perempuan bersanding bersendirian.

Pada waktu ini juga pengantin perempuan akan bertukar pakaian, menurut pelbagai kaum di Malaysia iaitu pakaian India, Cina, Barat, Minangkabau dan sebagainya.

## Majlis Khatam Al-Quran

Sesetengah pengantin perempuan menjalani majlis berkhatam Al-Quran sebelum majlis bersanding. Pengantin perempuan akan duduk di tengah-tengah dilingkungi oleh beberapa orang pengiring. Dia akan membaca beberapa surah terakhir dalam Al-Quran dengan disambut oleh pengiring-pengiringnya pada setiap ayat-ayat terakhir surah.

Pengiring-pengiring ini akan dihadiahkan dengan bunga telur sebagai cenderahati.

## 6. Bersanding

Beberapa hari sebelum majlis upacara persandingan, di rumah pengantin perempuan kaum keluarga sibuk menyediakan pelamin dan makanan serta minuman untuk



*Antara persiapan perkahwinan*



*Para jemputan menjamu selera*

menjamu para jemputan. Selain itu, disediakan barang-barang untuk balasan kepada hantaran daripada pihak pengantin lelaki. Barang-barang itu termasuklah pakaian, kuih-muih dan buah-buahan. Barang-barang itu diisikan di dalam paha yang dihias indah.

Menurut adat Melayu, sekiranya pihak lelaki menghantar sebanyak sembilan jenis hantaran, pihak perempuan disyaratkan melebihi jumlah hantaran kepada pihak lelaki.

Lebih kurang pukul 11.00 pagi para jemputan mula datang dan semakin ramai apabila menjelang tengah hari kerana masa makan tengah hari. Di kalangan jemputan yang terdiri daripada rakan pengantin perempuan akan membawa bersama bungkusan-bungkusan hadiah. Selepas menikmati hidangan mereka akan diberikan hadiah berupa bunga telur atau gula-gula dan sebagainya sebagai tanda mata dan ucapan terima kasih.

Lebih kurang pukul 1.00 atau 2.00 petang rombongan pengantin lelaki tiba. Pengantin lelaki akan diapit oleh dua orang rakannya yang dipanggil pengapit.

Pengantin perempuan akan disolekkan oleh Mak andam. Bagi Mak Andam tradisional, solekan pengantin didahului dengan pelbagai jampi serapah untuk memancarkan seri muka pengantin dan untuk menghilangkan perasaan gugup semasa berada dikhalayak ramai dan menjadi tumpuan setiap orang.

Kemudian pengantin perempuan dipakaikan dengan pakaian pengantin, fesyen kebaya labuh yang dibuat daripada songket. Kain songket selalu menjadi pilihan pasangan pengantin kerana kecantikan kilauan benang emasnya.

Rombongan pengantin lelaki diiringi oleh sanak-saudara dan sahabat handai. Mereka juga diiringi oleh kumpulan kompang dan pembawa bunga manggar. Mereka berkumpul di suatu tempat tidak jauh dari rumah pengantin perempuan untuk memulakan perarakan.

Pada masa dahulu perarakan ini sangat meriah dan di sertai lebih daripada seratus orang. Ada juga yang berarak dengan gajah menuju ke rumah pengantin perempuan.

Apabila perarakan sampai lebih kurang 50 meter dari rumah pengantin perempuan, mereka

berhenti seketika menunggu kedatangan pengantin perempuan untuk menyambut kedatangan mereka. Sambil itu paluan kompang diteruskan untuk menimbulkan suasana yang menarik.

Pengantin perempuan dengan diiringi dua orang pengapit dan Mak Andam ke tempat pengantin lelaki dan kemudian mereka "bertemu". Kemudian mereka berjalan seiring menuju ke rumah. Di hadapan rumah pertunjukan pencak silat diadakan untuk menyambut kedatangan 'Raja Sehari' itu.

Selepas pertunjukan silat pasangan pengantin disambut oleh sanak-saudara dengan begitu gembira. Ketika itu juga beras kunyit ditabur supaya pasangan pengantin itu tidak diganggu oleh hantu atau syaitan. Kemudian mereka diiringi naik ke rumah dan didudukkan di



*Pengantin berjalan seiringan*



atas pelamin. Semasa bersanding di atas pelamin, pengantin lelaki duduk di sebelah kanan dan pengantin perempuan di sebelah kiri.

Kemudian adat merenjis air mawar dijalankan. Adat ini dimulakan dengan ibu bapa pengantin perempuan diikuti saudara mara terdekat dan sahabat handai. Merenjis air mawar ini adalah untuk merestui perkahwinan mereka supaya kekal sehingga anak cucu.

Di Kelantan pula, ada adat yang tersendiri iaitu adat "mengenal pengantin". Kaum keluarga, sanak-saudara dan sahabat-handai datang ke hadapan pengantin dan memberi wang mengikut kemampuan sebagai hadiah.

Selepas bersanding, kedua-dua pengantin dibawa ke majlis makan



*Adat merenjis air mawar*

beradab bersama keluarga yang rapat. Makanan yang enak-enak disediakan. Dalam upacara ini pengantin lelaki menyuap sedikit nasi kepada pengantin perempuan dan sebaliknya. Perbuatan itu disambut dengan gelak ketawa para hadirin. Dengan itu upacara persandingan selesai.



*Majlis persandingan*


# KELAHIRAN

## Pantang Larang dan Adat Sewaktu Mengandung

Waktu mengandung merupakan satu jangka masa yang amat penting bagi seseorang wanita. Bagi perempuan yang baru pertama kali

berbagai-bagai kesulitan semasa proses kelahiran.

Bagi perempuan yang sedang mengandung, mereka dilarang melihat sesuatu yang mengerikan, kononnya anak di dalam kandungan akan turut terperanjat dan




*Dilarang melihat sesuatu yang mengerikan*

mengandung, pelbagai pantang larang dikenakan. Mengikut kepercayaan faktor alam sekeliling dan perbuatan si ibu dikatakan berupaya mempengaruhi perkembangan anak di dalam kandungan dan seterusnya kelahiran. Selain itu, dikatakan juga kononnya si ibu akan mengalami

menyerupai apa yang dilihat atau disebut "kenan" atau "badi".

Menurut kepercayaan dahulu kala, mereka juga dikatakan menjadi buruan makhluk-makhluk halus seperti hantu syaitan dan orang bunian. Makhluk-makhluk ini amat suka kepada perempuan-perempuan



*Nanas tidak boleh dimakan*

yang sedang mengandung untuk menyedut darah. Oleh sebab itu mereka dilarang keluar rumah pada waktu senja dan lewat malam untuk mengelakkan daripada menjadi mangsa.

Mereka juga dinasihatkan supaya jangan minum air kelapa atau makan nanas. Kedua-dua ini boleh mengakibatkan keguguran kepada si ibu. Mereka juga dilarang menebuk sesuatu seperti kain dan sebagainya. Perbuatan seumpama ini kononnya akan menyulitkan kelahiran. Akibat yang sama juga dipercayai akan dialami oleh si ibu sekiranya dia gemar duduk di tengah-tengah tangga rumah atau keluar dan masuk ke rumah melalui pintu yang berlainan.

Orang tua-tua pada zaman dahulu amat teliti dalam menjaga

dan memelihara perlakuan wanita yang mengandung. Ibu yang mengandung dinasihatkan supaya tidak terlalu kerap tidur siang kerana dikhuatiri si anak akan membesar dan sukar untuk bersalin.

Mereka juga ditegah mandi waktu senja kerana kononnya si anak akan "kembar air". Ini bermakna si anak akan berkembar dengan air dan semasa proses kelahiran, si ibu akan mengeluarkan air dengan banyak.

Perempuan yang mengandung juga digalakkan membuat sesuatu kerja sehingga selesai seperti membasuh pinggan dan mengemas kerana amalan sedemikian akan memudahkan proses kelahiran.

Bagaimanapun, semua pantang larang ini tidak dipatuhi ibu-ibu moden. Yang penting ialah menjaga




*Pokok kelapa*

kesihatan diri dan sentiasa berdoa kepada Allah s.w.t supaya selamat.

### Adat Melenggang Perut

Adat ini diamalkan oleh sesetengah masyarakat di kawasan-kawasan tertentu terutamanya di daerah pedalaman. Apabila kandungan si ibu genap tujuh bulan, upacara ini dijalankan oleh Tok Bidan dengan tujuan memperbetulkan kedudukan



Telur ayam kampung digunakan



Kini bayi dilihat secara 'scanning' di klinik.

bayi untuk memudahkan kelahiran, lebih-lebih lagi jika bayi berada dalam kedudukan songsang. Dalam upacara ini, bahan-bahan seperti beras kunyit, buah kelapa dan beberapa helai kain digunakan.

Bagi sesetengah tempat, Tok Bidan menggunakan telur ayam untuk melihat jantina bayi yang dikandung bagi memudahkan kerja-kerja persiapan untuk menyambut kelahiran.

### Adat Waktu Bersalin

Saat yang paling bahagia bagi pasangan pengantin ialah ketika mendapat cahaya mata yang pertama. Si ibu terutamanya tidak



*Bersedia untuk upacara bercukur*

sabar lagi untuk menimang cahaya mata.

Sementara menunggu tempoh bersalin, barang-barang keperluan disediakan. Barang-barang tersebut berupa bakul mengkuang yang diisi dengan beras dan diletakkan kelapa yang dililit dengan benang. Lilin dinyalakan di atas kelapa itu.

Apabila tiba saat melahirkan bayi Tok Bidan dijemput. Tok Bidan menyambut bayi dan dipisahkan daripada urinya. Urinya dibersihkan oleh si bapa dan ditanam dengan garam. Bagi bayi lelaki, urinya ditanam di bawah rumah pada tiang seri dengan harapan supaya apabila dewasa dia sentiasa mengutamakan keluarganya. Bagi bayi perempuan, urinya ditanam di pintu gerbang rumah supaya mudah dipinang orang.

## 1. Azan dan Qamat

Bayi yang lahir itu diuruskan oleh bidan seperti dibersihkan dan dipakaikan pakaian. Kemudian bayi itu diserahkan kepada si bapa yang menunggu di luar bilik bersalin. Sebaik sahaja dilahirkan, bayi ini akan diazan jika lelaki dan diqamat jika perempuan. Tujuannya supaya bayi itu mendengar ayat-ayat suci dahulu sebelum mendengar bunyi lain di dunia ini. Ini juga akan menanam sikap keagamaan kepada bayi itu terutama kata-kata "Allah s.w.t. yang maha besar".

## 2. Adat Bercukur

Bayi ini akan menjalani adat bercukur atau potong jambul, bertujuan menyambut kelahiran bayi. Sebaik-



*Rambut bayi dipotong*



baiknya adat ini dilakukan dalam masa 40 hari selepas kelahiran. Pada hari yang ditetapkan bayi ini akan dihias seperti pengantin dan bayi itu akan dipangku sama ada oleh ayah atau bapa saudaranya dan para tetamu akan berselawat ke atas nabi.

Kemudian mereka akan berzanji dan marhaban iaitu membaca ayat-ayat suci memuji-muji kebesaran Nabi Muhammad s.a.w. Upacara ini diketuai oleh seorang imam.

Bayi itu ditepung tawar oleh beberapa orang dan digunting rambutnya sekadar lima hingga tujuh helai. Rambut itu diletakkan ke dalam buah kelapa gading yang ditebuk dan dihias cantik yang diarak bersama. Kini di kawasan bandar, rambut bayi hanya diletakkan di atas bekas atau dulang kecil yang dihias cantik. Selepas bayi itu "diarak" bayi



*Berzanji*



*Marhaban dalam upacara bercukur*

itu diletak di hadapan imam dan imam melakukan upacara "belah mulut."

Dalam upacara ini ketua upacara meletak sedikit garam dan gula pada mulut bayi. Selain itu, diletak juga cincin emas pada mulut bayi supaya rajin mengejar kekayaan apabila dewasa kelak.

Selepas upacara membelah mulut, rambut bayi dicukur sedikit demi sedikit oleh beberapa orang tetamu. Kemudian rambut bayi dicukur sepenuhnya atau tinggal jambul dibahagian hadapan.

Ketika ini juga bayi ini diberi nama mengikut pilihan ibu bapa. Nama-nama yang baik harus diberi kepada bayi itu dan digalakkan diberi nama-nama nabi bagi lelaki dan nama isteri-isteri dan anak-anak nabi bagi perempuan. Antaranya nama lelaki yang popular ialah Muhamad, Isa, Ibrahim, Musa dan sementara

nama perempuan ialah Khadijah, Siti Hajar, Aishah dan Fatimah.

### 3. Adat Memijak Tanah

Adat memijak tanah dilakukan kepada kanak-kanak yang baru pandai berjalan, biasanya berusia antara satu setengah hingga dua tahun. Adat ini dilakukan dengan tujuan kononnya untuk mengenalkan si anak itu kepada tanah. Mereka percaya dengan melakukan upacara tersebut akan terhindarlah si anak itu daripada bahaya atau bencana dalam kehidupannya nanti.

Upacara ini dilakukan pada hari yang sama dengan hari anak itu dilahirkan. Upacara ini diadakan di tanah perkuburan nenek moyang si anak, tetapi boleh juga diadakan di halaman rumah sahaja.



*Air telaga digunakan*



*Padi turut digunakan*

Alat-alat dan bahan yang digunakan untuk menjalankan upacara ini terdiri daripada padi, beras, bertih, kuih kering, kuih talam, kain kasa dan benang tawar yang dialas dengan tanah. Selain itu disediakan juga sekendi air dari tujuh telaga dan tiga berkas daun pelepas yang dibuat daripada daun pinang yang diletak di dalam tempat khas.

Seorang bomoh akan mengatur segala urusan yang akan dilakukan dalam upacara itu dengan disaksikan oleh keluarga si anak. Antara upacara yang dilakukan si anak berdiri di atas setiap talam yang berisi bahan-bahan yang disebutkan di atas. Pada talam yang terakhir, si anak harus berjalan-jalan hingga tanah di dalam talam itu berbekas di telapak kaki si anak. Setelah selesai menjalani upacara itu, si anak akan dimandikan dengan air dari tujuh telaga yang telah disediakan.



Si anak yang telah menjalani semua upacara akan dipakaikan dengan pakaian baharu dan kemudiannya diadakan pula upacara penamat iaitu makan nasi semangat atau pulut kuning.

Biasanya adat memijak tanah ini diiringi dengan persembahan kesenian pencak silat sebagai suatu hiburan hiasan majlis.

#### 4. Adat Berkhatam Al-Quran

Apabila mencapai umur lima tahun, anak-anak hendaklah dihantar mengaji Quran. Pada zaman dahulu belajar Quran sangat penting kerana Quran merupakan kitab suci yang membawa ajaran agama. Semasa mengaji Quran, anak-anak diajar oleh guru melakukan ibadat sembahyang. Mereka akan belajar membaca Muqqadam dan seterusnya belajar


membaca Quran sebanyak 30 juzuk.

Berkhatam ialah adat tamat mengaji Al-Quran bagi lelaki dan perempuan. Dalam adat ini anak lelaki atau perempuan yang berpakaian cantik akan duduk mengelilingi guru Al-Quran. Mereka membaca Al-Quran secara bergilir-gilir untuk menunjukkan kecekapan mereka membaca Al-Quran.

Bunga-bunga telur disediakan untuk diberi kepada para tetamu yang hadir menyaksikan majlis ini. Guru Al-Quran pula akan diberikan bunga telur yang telah disediakan khas beserta sepinggan pulut kuning dan hadiah-hadiah lain.

#### 5. Adat Berkhatan

Apabila kanak-kanak lelaki berusia lebih kurang 10 tahun, adat



*Bersedia untuk berkhatan*



*Kanak-kanak yang telah dikhatankan*

berkhatan dijalankan. Berkhatan ialah memotong sebahagian kulit kemaluan lelaki untuk tujuan menjaga kebersihan dan sebagai tanda pemisah antara zaman kanak-kanak dengan zaman remaja. Adat ini dijalankan oleh seseorang yang digelar Tok Mudim.

Pada masa dahulu anak lelaki berkenaan akan dipakaikan dengan pakaian yang cantik-cantik dan diarak ke rumah Tok Mudim. Apabila sampai di rumah Tok Mudim kanak-kanak itu akan masuk ke bilik Tok Mudim dan upacara berkhatan dijalankan. Anak-anak itu akan duduk mencangkung di atas batang pisang. Tok Mudim berdoa sebelum menjalankan upacara berkhatan tajam.

Dalam tempoh berkhatan ini anak-anak terpaksa mematuhi beberapa pantang larang daripada segi perbuatan dan makan minum. Kenduri untuk upacara berkhatan

diadakan untuk memeriahkan lagi majlis itu.

Bagi kanak-kanak perempuan, upacara berkhatan dijalankan beberapa hari selepas kelahirannya yang dilakukan oleh Tok Bidan. Upacara ini tidak semeriah bagi anak lelaki. Pulut kuning disediakan sebagai lambang upacara.



*Pulut kuning*

# PERAYAAN

Orang Melayu mempunyai beberapa perayaan yang berasaskan agama. Perayaan-perayaan ini termasuklah perayaan Hari Raya Aidilfitri, Hari Raya Aidiladha, Perayaan Maulidulrasul, Maal Hijrah, Israk dan Mikraj dan Nuzul Quran. Hari-hari ini dijadikan hari-hari cuti am bagi Malaysia dan sesetengah negeri. Misalnya Hari Nuzul Quran disambut oleh umat Islam di Kelantan, Kedah, Terengganu dan Perlis dengan meriah.

Perayaan-perayaan ini disambut untuk menunjukkan kebesaran agama Islam, memperingati peristiwa penting dalam perkembangan Islam dan untuk memperingati Nabi Muhamad s.a.w. sebagai pemimpin agung umat Islam di seluruh dunia.

## 1. Hari Raya Aidilfitri

Perayaan orang Melayu yang terbesar ialah perayaan menyambut Hari Raya Aidilfitri yang jatuh pada hari pertama bulan Syawal iaitu bulan yang ke-10 mengikut kalendar Islam atau Tahun Hijrah. Sambutan Hari Raya Aidilfitri ini berhubung rapat dengan ibadat puasa yang dilakukan sepanjang bulan Ramadhan.

Kedatangan bulan Ramadhan amat penting bagi umat Islam. Negeri Johor mengisytiharkan hari permulaan puasa sebagai hari cuti am. Oleh itu, perayaan ini bertujuan meraikan kejayaan umat Islam menyempurnakan ibadat puasa yang dianggap paling penting.

Berpuasa bukan sahaja menahan lapar dan dahaga selama sebulan pada siang hari tetapi juga menjaga diri daripada sebarang perbuatan yang tidak baik atau perbuatan maksiat. Malahan menjaga semua anggota badan daripada melakukan sebarang kejahatan amat ditekan juga.



*Menjelang waktu berbuka puasa*

## Persediaan Awal

Sejak awal bulan puasa lagi persediaan dibuat untuk menyambut Hari Raya Aidilfitri, seperti membersihkan rumah, menukar perabot lama, membuat kuih-muih, membeli pakaian anak-anak dan sebagainya.

Kad-kad Ucapan Hari Raya mulai dijual untuk dikirimkan kepada saudara-mara dan sahabat-handai. Bagi pengusaha-pengusaha kuih-muih, mereka mula menerima tempahan daripada orang ramai. Antara kuih tradisional yang masih diminati ialah putu, dodol, wajik dan baulu.


## Malam Tujuh Likur

Malam Tujuh Likur ialah beberapa malam terakhir bulan Ramadhan iaitu saat bermulanya sambutan Hari Raya Aidilfitri. Pada malam ini lampu-lampu minyak tanah dipasang di sekeliling rumah supaya suasana kelihatan lebih berseri. Kini lampu-lampu elektrik turut digunakan sebagai menggantikan lampu-lampu minyak tanah.

Malam Tujuh Likur merupakan malam yang paling meriah bagi golongan kanak-kanak. Mereka bersuka-ria bermain bunga api dengan disinari lampu-lampu pelita.



*Kad ucapan Hari Raya*



*Beraneka jenis kueh raya*

Umat Islam percaya bahawa pada malam-malam ganjil sebelum tiba Hari Raya terdapat satu malam berkat yang dinamakan "Lailatul Qadar." Pada malam ini dipercayai semua doa akan dimakbulkan dan umat Islam digalakkan memperbanyakkan ibadat pada waktu malam untuk bersembahyang sunat dan berzikir kepada Allah s.w.t. Malam Lailatul Qadar malam yang lebih baik daripada seribu bulan.

### **Persiapan Terakhir**


Apabila tiba hari terakhir bulan Ramadhan kemeriahan Hari Raya semakin terasa. Persediaan terakhir ialah membeli bahan-bahan makanan untuk dimakan pada pagi hari raya. Pada hari terakhir pasar-pasar penuh sesak dengan suri rumah-suri rumah yang membeli bahan-bahan makanan seperti daging, ayam dan sebagainya.

Selain dijual di pasar, daging lembu dijual di merata-rata tempat untuk kemudahan suri rumah-suri rumah. Daging ini dijual di tepi-tepi jalan sama ada di bandar ataupun di desa. Hari ini dinamakan juga "hari sembelih."

Dalam waktu yang sama, anak-anak rantau yang tinggal di kota mula membanjiri stesen-stesen keretapi dan bas untuk pulang ke kampung. Demikian juga bagi sesetengah keluarga yang memilih untuk berhari raya di kampung yang ternyata lebih meriah berbanding di bandar.

### **Menyediakan Makanan Tradisional**

Di kampung ibu-ibu sibuk menyediakan juadah hari raya yang



*Warga kota pulang ke kampung*





*Bersedekah pada bulan Ramadhan*

terdiri daripada makanan tradisional. Ada juga pengusaha-pengusaha yang menyediakan makanan tradisional ini untuk dijual kepada umat Islam di bandar-bandar. Antara makanan tradisional ini ialah ketupat, rendang, lemag dan sate.

## 1. Ketupat

Ketupat merupakan hidangan utama yang disediakan pada pagi Hari Raya. Ketupat boleh dibuat daripada pulut atau beras. Untuk memasak ketupat, daun kelapa digunakan. Terlebih dahulu daun ini dianyam dalam pelbagai bentuk dan diberi nama-nama tertentu seperti ketupat sate, ketupat jantung, ketupat bawang dan ketupat panjang. Sarung atau anyaman untuk kulit

ketupat ada dijual di pasar-pasar ketika menjelang hari raya untuk memberi kemudahan untuk ibu-ibu.

Bahan-bahan yang diperlukan untuk membuat ketupat ialah beras pulut, garam, santan dan air.

Cara-cara untuk memasak ketupat beras ialah terlebih dahulu beras dibersihkan. Selepas dibersihkan dan dikeringkan, beras diisi ke dalam sarung ketupat. Ketupat itu direbus hingga masak yang memakan masa antara dua hingga tiga jam.

Ketupat beras biasanya dibuat oleh penduduk di Pantai Timur. Ketupat beras sering dihidangkan bersama rendang atau sate dan sesuai dimakan bersama kuah kacang.



*Beras untuk dibuat ketupat*



asi  
aun Palas  
Pedas  
mu

*Hidangan utama pada hari raya*

Di Pantai Timur ketupat pulut dibuat. Ketupat pulut ini dibungkus menggunakan daun palas yang tumbuh liar di pinggir hutan. Sebagaimana sarung ketupat nasi, sarung ketupat pulut dibuat sementara menunggu pulut yang dimasak bersama santan masak.

Ada dua rasa ketupat ini iaitu manis dan tawar tetapi berlemak. Ketupat manis boleh dimakan terus sementara ketupat tawar dimakan bersama rendang, serunding atau gula melaka yang sudah dicairkan. Rasanya enak dan menyelerakan.

## 2. Rendang

Bahan-bahan yang perlu untuk masakan rendang daging ialah daging lembu, garam, santan pekat,

serai dan daun kunyit. Semua bahan ini hendaklah dihiris. Selain bahan-bahan tersebut, rendang daging memerlukan bahan yang digiling iaitu lada merah atau cili kering, lengkuas, bawang putih, bawang merah, halia dan kunyit hidup.



*Daging untuk dibuat rendang*



Cara-cara untuk membuat rendang daging ialah, daging yang telah dipotong hendaklah diperap dengan garam dan lada sulah selama antara 20 hingga 30 minit. Kemudian daging, santan dan bahan yang digiling dicampur di dalam sebuah kuali dan dimasak di atas api yang sederhana.

Serai dan daun kunyit dimasukkan juga untuk mengeluarkan bau yang menyelerakan. Selepas itu api dikecilkan dan daging dimasak hingga empuk dan berwarna perang gelap. Apabila kuahnya berminyak, rendang bolehlah dihidangkan bersama ketupat.

Kebanyakan suri rumah memasak rendang kerana rendang

lebih menyelerakan. Pada Hari Raya Aidilfitri dan Hari Raya Aidiladha, rendang daging atau rendang ayam lebih banyak dimasak. Keadaan ini disebabkan lemang dan ketupat dimakan bersama rendang pada hari-hari perayaan tersebut.

Boleh dikatakan setiap rumah di Pantai Barat Semenanjung menghidangkan lemang pada hari raya. Rasa rendang memang sedap dan lebih enak apabila dimakan bersama lemang.

### 3. Lemang

Satu cara yang unik untuk memasak makanan ialah menggunakan buluh. Makanan ini ialah lemang. Lemang diperbuat daripada pulut, sama ada



*Membakar lemang*



*Pokok pisang*

beras pulut putih atau beras pulut hitam. Beras pulut itu boleh dicampur dengan jagung juga.

Buluh leman digunakan untuk memasak leman. Buluh itu dipotong mengikut saiz yang tertentu. Selain

buluh, pucuk pisang digunakan untuk melapik bahagian dalam buluh itu.

Bahan-bahan yang diperlukan untuk membuat leman ialah beras pulut, santan, garam, pucuk pisang dan buluh leman. Untuk membuat leman, beras pulut hendaklah dibersihkan terlebih dahulu. Kemudian beras pulut dimasukkan ke dalam buluh leman yang telah dilapik dengan pucuk pisang.

Selepas itu, dituangkan santan yang bercampur garam ke dalam buluh. Buluh leman yang telah berisi beras pulut itu didiangkan pada bara api. Kedudukan buluh leman diubah-ubah dari semasa ke semasa supaya leman itu masak sama rata. Apabila pulut masak, leman bolehlah dihidangkan dengan membelah buluh leman tersebut.




*Membantu keluarga*

#### 4. Sate

Sate merupakan makanan tradisional yang sangat terkenal di Malaysia. Sate boleh dibuat daripada daging, paru-paru, limpa atau perut lembu. Sate juga diperbuat daripada daging ayam dan sate daripada ayam lebih terkenal kerana rasanya yang lebih lazat. Daging untuk dibuat sate hendaklah daripada jenis yang lembut.

Bahan-bahan untuk membuat sate ialah daging, mentega, bawang putih, air perahan asam jawa, lada sulah, gula merah dan garam. Untuk membuat sate, daging dipotong kecil-kecil. Bawang putih, air asam jawa, lada sulah, gula merah dan garam dikisar supaya halus.



*Lidi pencucuk sate*

Kemudian potongan-potongan daging itu diperam bersama bahan-bahan yang dikisar selama semalaman, atau sekurang-kurangnya enam hingga lapan jam. Potongan-potongan daging itu kemudiannya dicucuk pada lidi kelapa.



*Membakar sate*

Selepas dicucuk pada lidi, sate itu dipanggang di atas bara api dengan membalik-balikkan lidi pencucuk itu. Mentega dipupuk pada sate yang dibakar itu. Setelah masak, sate boleh dihidangkan bersama kuah atau sambal kacang.

## Pagi Hari Raya

Pada pagi Hari Raya Aidilfitri, umat Islam akan bangun pagi-pagi lagi. Mereka mandi sunat hari raya dan kemudian bersembahyang subuh.



*Rumah dihias indah menjelang Hari Raya*

## Melihat Anak Bulan

Pada hari terakhir bulan Ramadan iaitu pada 29 haribulan pihak kerajaan menghantar rombongan ke tempat-tempat tertentu untuk melihat anak bulan. Jika anak bulan nampak, Hari Raya Aidilfitri diisytiharkan oleh Pemegang Mohor Besar Raja-raja Melayu.


Sebaik sahaja pengumuman dibuat melalui radio dan televisyen, takbir raya bergema dan ibu-ibu terus membuat persiapan terakhir untuk menyambut hari yang mulia itu.

Selepas bersembahyang subuh si ayah akan bertakbir Hari Raya. Sementara itu si ibu sudah berada di dapur menyediakan sarapan daripada lemang, ketupat, sate dan rendang.

Anak-anak turut bangun awal dan mandi. Sebaik sahaja berpakaian cantik, mereka akan ke ruang tamu bermaaf-maafan dengan ibu dan ayah. Adik-adik bermaaf-maafan dengan abang dan kakak. Si ibu dan si ayah saling bermaaf-maafan.

Setelah bersarapan si ayah dan anak lelaki pergi ke masjid untuk





*Takbir bergema di masjid*


bersembahyang sunat Hari Raya Aidilfitri. Sementara itu ibu dan anak perempuan akan menyediakan hidangan termasuk kuih-muih untuk para tetamu yang akan datang

selepas upacara sembahyang sunat Hari Raya Aidilfitri.

Selepas upacara sembahyang Hari Raya ibu bapa akan membawa anak-anak pergi menziarah tanah perkuburan. Mereka membawa secerek air mawar untuk disiram ke atas kubur si mati.

Mereka juga bersedekah bacaan al-Fatihah atau Surah Yassin kepada si mati daripada keluarga mereka khususnya kepada datuk atau nenek mereka dan mendoakan supaya roh mereka berada bersama orang yang beriman.

Membawa anak-anak ke kubur diamalkan sebagai mengenang jasa si mati dan memberi keinsafan



*Sebuah kawasan perkuburan*



*Hari Raya Aidiladha atau Korban*

kepada anak-anak kerana setiap yang hidup ini mesti mati.



*Korban mesti disertakan dengan niat*

Pada hari kedua perayaan diteruskan dengan menziarahi kaum keluarga dan sahabat-handai jauh dan dekat. Anak-anak sangat gembira kerana mendapat "duit raya" daripada golongan muda dan tua.

## 2. Hari Raya Aidiladha

Dua bulan 10 hari selepas Hari Raya Aidilfitri ialah Hari Raya Aidiladha yang disambut pada 10 Zulhijah iaitu bulan ke-12 mengikut kalendar Hijrah. Pada bulan ini beratus ribu umat Islam di seluruh dunia termasuk berpuluh-puluh ribu dari Malaysia menunaikan rukun Islam yang kelima iaitu fardu haji di Mekah.

Hari Raya Aidiladha dirayakan sempena ibadat haji di Mekah. Oleh sebab itu Hari Raya Aidiladha ini



*Bermaaf-maafan sesama kita*

disebut juga Hari Raya Haji. Hari Raya Aidiladha tidak begitu meriah seperti Hari Raya Aidilfitri di negara kita kecuali di negeri-negeri Kelantan, Terengganu dan Kedah. Umat Islam juga tidak diwajibkan berpuasa selama sebulan menyambut perayaan ini.

Dalam sambutan hari raya ini umat Islam menyembelih lembu, kerbau, atau kambing sebagai "Korban" kepada Allah s.w.t. Mereka boleh membeli lembu secara individu ataupun berkongsi seramai tujuh orang mengikut kemampuan masing-masing. Upacara korban ini dilakukan sebaik sahaja upacara sembahyang sunat Aidiladha selesai dijalankan.

Upacara korban dijalankan di masjid-masjid dan di surau-sarau di

seluruh negeri. Daging korban itu disedekahkan kepada fakir miskin. Mereka akan menjamu selera dengan daging korban sambil menjamu fakir miskin.

Dalam ibadat korban ini seseorang Islam disunatkan "Korban" sekurang-kurangnya sebahagian daripada binatang ternakan seperti lembu atau kerbau yang boleh dibahagikan kepada tujuh bahagian. Ibadat ini sebagai memperingati peristiwa Nabi Ibrahim a.s yang telah mendapat perintah Allah s.w.t. mengorbankan puteranya Nabi Ismail a.s.

Nabi Ibrahim patuh kepada perintah Allah s.w.t., begitu juga Nabi Ismail yang masih kecil. Bagaimanapun, semasa Nabi Ibrahim hendak menyembelih Nabi




*Tanda kebesaran Allah s.w.t.*



Ismail, Allah s.w.t. menukarkan Nabi Ismail dengan seekor kibas, binatang ternakan seperti biri-biri.

Sejak peristiwa itu umat Islam menjalankan ibadat "korban" setiap tahun sebagai lambang pengorbanan umat Islam. Hari Raya Aidilfitri ini juga dinamakan Hari Raya Korban. Umat Islam diwajibkan berkorban harta malahan nyawa dalam berjihad untuk menegakkan agama Allah s.w.t.

Perayaan Maulidur Rasul diraikan sempena menyambut keputeraan Nabi Muhammad s.a.w. iaitu nabi dan rasul terakhir mengikut ajaran Islam. Tahun kelahiran baginda dikenali sebagai tahun Gajah kerana pada masa itu, tentera Musyrikin telah menyerang Kota Mekah dengan menggunakan tentera Gajah, tetapi dengan pertolongan Allah s.w.t. serangan tersebut menemui kegagalan.



*Perarakan Maulidur Rasul*

### **3. Maulidur Rasul**

Perayaan Maulidur Rasul disambut pada 12 Rabiulawal atau bulan ketiga mengikut kalendar Islam. Perayaan ini dijadikan cuti umum rakyat Malaysia.


Keputeraan Nabi Muhammad s.a.w. telah membawa cahaya baru kepada umat Islam seluruh dunia. Baginda diwahyukan oleh Allah s.w.t. untuk menyebarkan dan menyempurnakan ajaran Islam bukan sahaja kepada Kota Mekah, malah luar Kota Mekah.

Perayaan ini disambut secara besar-besaran di peringkat kebangsaan dengan mengadakan perarakan di sekitar Kuala Lumpur, manakala majlis atau upacara tentu diadakan di Masjid Negara. Perarakan disertai oleh pemimpin politik, orang kenamaan dan pelbagai lapisan umat Islam, lelaki dan wanita. Sepanduk yang ditulis dengan tema-tema yang tertentu dibawa bersama. Mereka beramai-ramai menyanyikan marhaban yang berupa puji-pujian dan selawat ke atas junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w. sambil membawa bunga manggar.

Semasa perayaan ini, umat Islam akan berkumpul di masjid untuk mendengar ucapan daripada tokoh-tokoh agama tentang sejarah Nabi Muhammad s.a.w. Di sekolah-



*Upacara korban*



*Binatang yang bakal dikorbankan*

sekolah tertentu turut meraikan perayaan ini. Jamuan juga disediakan kepada kanak-kanak sekolah.

#### **4. Awal Muharam**

Bulan Muharam adalah bulan pertama dalam kalendar Islam. Ini bermakna, pada satu Muharam umat Islam akan menyambut Tahun Baru Hijrah atau dikenali sambutan "Maal Hijrah".

Sambutan Maal Hijrah adalah bersempena dengan penghijrahan Nabi Muhammad s.a.w. bersama dengan umat Islam dari Kota Mekah ke Madinah. Perpindahan baginda disebabkan adanya perkataan dari kaum Quraish untuk membunuh baginda kerana menyebarkan ajaran Islam yang mula berkembang di Mekah. Nabi Muhammad s.a.w. tiba di Madinah pada 12 Rabiulawal bersamaan dengan 28 Jun 622 Masihi.




*Melapah daging*

Penghijrahan ini telah membuka lembaran baru bagi perkembangan agama Islam. Kalau dahulu, Nabi dicerca, dihina dan dilarang daripada menyebarkan ajaran Islam oleh orang Quraish, tetapi di Madinah Nabi dapat menjalankan tugasnya dengan selesa, malah nabi dihormati oleh penduduk Madinah. Agama Islam

dengan mudah tersebar dari Madinah ke seluruh tanah Arab malahan ke seluruh dunia.

Oleh sebab tahun ini membawa makna yang besar dalam sejarah Islam, hari tersebut dijadikan cuti umum negara. Perarakan umat Islam diadakan di bandar-bandar terutamanya bandar Ibu Negeri. Setiap tahun, diadakan pemilihan tokoh Maal Hijrah peringkat kebangsaan. Mereka dipilih dari golongan yang banyak berjasa kepada agama dan tanah air. Selain daripada itu, diadakan pelbagai ceramah dan syarahan terutamanya di masjid-masjid sempena memperingati peristiwa ini.

Di sekolah juga disambut dengan pelbagai cara seperti pertandingan mengarang rencana dan nasyid.



*Masjid tempat umat Islam beribadat*

# KESIMPULAN

Orang Melayu di Malaysia semuanya beragama Islam. Oleh yang demikian segala adat resam dan peraturan hidup sentiasa dihubungkan dengan konsep agama dan ketuhanan. Sejak seseorang itu dilahirkan segala peraturan agama mesti diikuti supaya si anak tidak lalai dengan tanggung jawab agama.

Perayaan-perayaan umat Islam juga amat berkait rapat dengan agama. Setiap perayaan membawa konsep kemanusiaan dan ketaatan kepada Allah s.w.t. Umat Islam digalakkan tolong menolong,

bermaafan dan bersifat toleransi antara kaum. Prinsip kesamarataan sentiasa ditekankan dalam usaha untuk mendapat keredhaan Allah s.w.t.

Oleh kerana orang Melayu sebagai penduduk asal dan pribumi Malaysia, ciri-ciri agama dan kebudayaan mereka harus diiktiraf. Berdasar kepada ini Perlembagaan Malaysia telah memperuntukkan bahawa agama Islam dan Bahasa Melayu adalah sebagai agama dan bahasa rasmi bagi penduduk Malaysia.